

SIARAN AKHBAR
18 Ogos 2016

EKUINAS LUPUS PEGANGAN DALAM ALLIANCE COSMETICS GROUP UNTUK PERCEPATKAN PENUTUPAN DANA PERTAMA

Fakta penting: -

- Ekuinas telah berjaya melupuskan 20% ekuitinya dalam Alliance Cosmetics Group (ACG) kepada Navis Capital Partners (Navis) dengan menjana pendapatan kasar sebanyak RM61.8 juta pada Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar minimum sebanyak 9% dan 1.55 kali modal yang dilaburkan, termasuk dividen yang telah diterima. Navis, yang melaksanakan pelaburan dalam syarikat ini bersama Ekuinas pada tahun 2010 melalui Syarikat Tujuan Khas (SPV), akan memiliki 80% pegangan dalam ACG berikutan pelupusan Ekuinas.
- Pelupusan pegangan minoriti kepada Navis akan membantu Ekuinas dalam usaha merealisasikan *Ekuinas Direct (Tranche I) Fund* manakala keputusan Navis untuk membeli ekuiti Ekuinas mencerminkan keyakinan mereka untuk mengukuhkan lagi prestasi ACG dalam masa terdekat.
- Pelupusan ini merupakan pelupusan keenam Ekuinas yang meningkatkan jumlah hasil direalisasi syarikat kepada lebih RM1 bilion. Ekuinas semakin menghampiri tempoh penutupan dana pertamanya, *Ekuinas Direct (Tranche I) Fund*, yang dijangka akan berlaku sekitar akhir 2017 dan kini memberi tumpuan kepada usaha merealisasikan aset di bawah dana pertamanya.

KUALA LUMPUR, 18 Ogos 2016: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, hari ini mengumumkan pelupusan keseluruhan kepentingan ekuiti sebanyak 20% dalam Alliance Cosmetics Group (ACG) kepada Navis Capital Partners (Navis), berikutan pelaksanaan perjanjian jualan bersyarat oleh kedua-dua pihak pada nilai RM61.8 juta.

Navis adalah sebuah firma ekuiti persendirian swasta yang berpusat di Malaysia dengan dana USD5 bilion di bawah pengurusan pada 2015, yang memberi tumpuan khusus kepada syarikat-syarikat yang mempunyai kehadiran kukuh di Asia Tenggara. Navis adalah pelabur bersama Ekuinas dalam ACG apabila Ekuinas membuat pelaburan sulung pada tahun 2010, yang juga merupakan pelaburan pertama Ekuinas dalam segmen Barangan Pengguna Laris (FMCG).

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Kami melupuskan kepentingan tersebut kepada rakan kongsi kami, Navis, yang mempunyai kemampuan serta telah memantau perkembangan ACG sekian lama, untuk terus mengukuhkan prestasi mereka dalam masa terdekat."

"Walaupun keadaan pasaran tidak menentu sewaktu ACG berada di bawah pemilikan Ekuinas, namun ia berjaya berkembang ke Indonesia dan Filipina. Jenama tempatan Silkygirl juga terus menjadi salah satu jenama pilihan untuk kosmetik warna dan pewangi bagi pasaran umum di Malaysia, Singapura dan Brunei. Pada masa yang sama, syarikat turut berusaha untuk membangunkan rangkaian produk baharu," tambah beliau.

ACG adalah pelaburan sulung Ekuinas, yang dilaksanakan bersama dengan Navis pada tahun 2010. Jumlah pelaburan Ekuinas sebanyak RM39.9 juta memberi pemilikan 25% ekuiti berkesan dalam sebuah SPV bersama yang mengawal 80% dalam ACG. Pelupusan ekuiti tersebut menjana hasil kasar sebanyak RM61.8 juta dengan pulangan IRR minimum sebanyak 9% dan jumlah pelaburan diterima balik sebanyak 1.55 kali modal yang dilaburkan, termasuk dividen yang diterima.

Berikutan pelupusan itu, Navis juga bersetuju bahawa apabila mereka melupuskan pegangan dalam ACG, Ekuinas berpotensi untuk turut sama berkongsi sebarang hasil tambahan daripada pelupusan tersebut, bergantung kepada jumlah akhir yang dibayar dan tertakluk kepada tahap pencapaian tertentu.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir menambah, "Langkah pelupusan ini adalah selaras dengan langkah Ekuinas untuk merealisasikan pelaburan di bawah *Ekuinas Direct (Tranche I) Fund*, sebagai sebahagian daripada strategi pelaburan berhemah untuk menjamin IRR positif, selain memastikan penutupan dana tersebut dilakukan dalam tempoh yang telah ditetapkan."

Pelupusan itu merupakan pelupusan keenam Ekuinas yang telah melonjakkan jumlah hasil direalisasi Syarikat kepada lebih RM1 bilion, termasuk pelupusan separa dalam Icon Offshore Berhad, selepas hampir tujuh tahun beroperasi. Ekuinas kini aktif merealisasikan aset di bawah dana pertama, *Ekuinas Direct (Tranche I) Fund*, bagi memastikan dana tersebut dapat ditutup menjelang akhir 2017.

Pada bulan April tahun ini, Ekuinas mengumumkan keputusan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, mengekalkan IRR melebihi sasaran minimum 12% setahun bagi tahun keenam berturut-turut. *Ekuinas Direct (Tranche I) Fund* mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar berjumlah RM591.3 juta pada IRR kasar sebanyak 14.8% setahun, manakala dana kedua, *Ekuinas Direct (Tranche II) Fund*, mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar berjumlah RM133.3 juta pada IRR tahunan kasar 13.0% setahun. Dana ketiga, dan yang terbesar antara lima dana Ekuinas dengan jumlah komitmen modal sebanyak RM1.5 bilion, menunjukkan permulaan yang menggalakkan dengan 15.3% atau RM229.8 juta komitmen pelaburan pada TK2015.

Pada tahun 2014, pulangan dana bagi *Ekuinas Direct (Tranche I) Fund* bukan sahaja telah mendapatkan semula jumlah modal yang disediakan oleh Kerajaan untuk pelaburan semula, malah Ekuinas juga turut mengedarkan RM200 juta kepada masyarakat Bumiputera melalui Yayasan Pelaburan Bumiputera untuk lebih 10 juta pemegang unit di bawah Permodalan Nasional Berhad (PNB). Sepertiga lagi daripada pulangan dana telah diperuntukkan untuk aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat Ekuinas yang dilaksanakan di bawah jenama **ILTIZAM bersama Ekuinas**.

- Tamat -

Tentang Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan peruntukan sebanyak RM5 bilion dari Kerajaan, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor-sektor sasaran utama Ekuinas seperti barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan, runcit dan penjagaan kesihatan.

Hubungan Media:

Sunita Kanopathy, Ogilvy Public Relations KL, sunita.kanopathy@ogilvy.com 012-226 1216

Rowena Wong, Ogilvy Public Relations KL, rowena.wong@ogilvy.com 013-677 2466